

Analisis Kontrastif antara Kata Hubung Bahasa Melayu dengan Konjungtor Bahasa Indonesia

Contrastive Analysis between Malay Language Conjunctions within Indonesia Language Conjunctions

MOHD UZIR ZUBIR & ROHAIDAH KAMARUDDIN

ABSTRAK

Analisis kontrastif merupakan cabang ilmu bahasa yang digunakan untuk membandingkan dua bahasa atau lebih untuk mencari perbezaan ataupun persamaan makna sesuatu perkataan. Kajian lampau telah membuktikan bahawa bahasa Melayu dan bahasa Indonesia mempunyai banyak perbezaan serta persamaan. Hal ini adalah disebabkan oleh kedua-dua bahasa tersebut berasal dan berkembang daripada bahasa Melayu. Penelitian ini bermatlamat untuk membuktikan bahawa antara bahasa Melayu dan bahasa Indonesia memiliki banyak perbezaan dan persamaan. Permasalahan yang tercetus apabila berlaku pertembungan dalam penggunaan kata hubung bahasa Melayu dengan konjungtor bahasa Indonesia. Justeru, penelitian analisis ini adalah untuk mengenal pasti dan membandingkan penggunaan kata hubung bahasa Melayu dengan konjungtor bahasa Indonesia. Pendekatan yang digunakan adalah melalui pendekatan analisis kontrastif. Manakala metode yang digunakan terdiri daripada teknik terjemahan, penganalisan data, model struktural, pendekatan Analisis Kontrastif dan Hipotesis 'a priori' (versi kuat). Hasil penelitian menunjukkan memang terdapat perbezaan dan persamaan makna perkataan yang saling melengkapi dalam kedua-dua yang dikaji. Daripada hasil penelitian ini, dapat disimpulkan bahawa perbezaan dan persamaan kedua bahasa adalah dalam bentuk ayat, makna serta kemiripan dalam struktur ayat tertentu. Kajian turut menyimpulkan bahawa analisis kontrastif dapat membantu dalam mencari perkataan kata hubung yang sesuai bagi kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Indonesia.

Kata kunci: Analisis kontrastif; analisis bezaan; kata hubung; konjungtor

ABSTRACT

Contrastive analysis is a branch of linguistics science used to compare two or more languages in order to find differences or similarities in the meaning of a word. Previous studies have shown that Malay and Indonesian languages have many differences and similarities. This is because both languages are derived and developed from the Malay language. This study aims to prove that between Malay and Indonesian languages there are many differences and similarities. Concerns arise when there is a clash in the use of Malay conjunctions with Indonesian conjunctures. Therefore, the study aims to identify and compare the use of Malay conjunctions with Indonesian conjunctures. The approach of study is through a contrastive analysis. The methods employed include translation techniques, data analysis, structural models, Contrastive Analysis and Hypothesis 'a priori' (strong version) methods. The results show that there are differences and similarities in the meaning of words that complement each other in both languages. From the results, it can be concluded that the differences and similarities of the two languages are found in the form of sentences, meanings and sentence structures. The study also concluded that contrastive analysis can be the supportive tool in finding the appropriate conjunctions between both Malay and Indonesian languages.

Keywords: Contrastive analysis; differential analysis; Malay conjunction; Indonesia conjunction

PENGENALAN

Kebiasaannya, umum sering menyatakan bahawa bahasa merupakan alat komunikasi yang paling berkesan untuk menyampaikan sesuatu pemikiran dengan maksud dan tujuan tertentu kepada orang lain. Menurut Kridalaksana dalam Abdul Chaer (1994), bahasa adalah sistem lambang bunyi yang arbitrer (suka-suka) yang digunakan oleh para anggota kelompok sosial untuk bekerjasama,

berkomunikasi dan mengidentifikasikan diri. Hal ini menunjukkan bahawa seseorang dapat mengetahui bahawa bahasa bukan sahaja sebagai alat komunikasi tetapi bahasa juga suatu alat untuk mengenal pasti tentang diri seseorang sebagai penutur bahasa tersebut.

Proses pembelajaran sesuatu bahasa asing tidak dapat lari daripada kesulitan dalam mempelajari dan menguasai bahasa tersebut. Dalam era globalisasi ini, terdapat pelbagai bahasa yang digunakan namun

hanya beberapa bahasa sahaja yang dipelajari di seluruh dunia. Kesulitan yang berlaku boleh dilihat, dikaji dan dianalisis melalui analisis kontrastif atau bezaan seperti yang dicadangkan oleh ahli linguistik. Jamaliah Mohd Ali (1990:333) menyatakan bahawa analisis kontrastif adalah satu teknik menganalisis linguistik yang telah dikembangkan oleh ahli linguistik terkemuka Blomfield (1941), dengan tujuan menganalisis bahasa secara terencana.

Analisis ini seterusnya dikembangkan oleh Fries dan Lado dalam tahun lima puluhan iaitu dalam proses pembelajaran bahasa kedua iaitu pelajar banyak dipengaruhi oleh bahasa pertama atau bahasa ibundanya. Setiap kesilapan dan kesalahan pelajar dapat dikesan pada bahasa pertama pelajar. Analisis kontrastif membandingkan kedua-dua bahasa yang tidak serumpun, misalnya mengkontraskan bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu untuk mengetahui dan diteliti dengan lebih mendalam khususnya bagi kata sendi nama. Kajian analisis kontrastif mempunyai peranan penting terutama dalam proses pengajaran bahasa asing. Proses belajar bahasa ini perlu diadakan suatu analisis tentang aspek-aspek bahasa tersebut, terutama bagi orang Malaysia yang mempelajari bahasa asing.

Oleh hal yang demikian, analisis kontrastif antara bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia ditinjau daripada aspek linguistik kerana kedua-dua bahasa ini bahasa yang serumpun. Penelitian dalam kajian ini melibatkan penggunaan kata hubung atau kata hubung bagi bahasa Melayu dengan konjungtor bahasa Indonesia yang dibandingkan secara kontrastif. Hal ini kerana penggunaan kata hubung dalam bahasa Melayu manakala konjungtor dalam bahasa Indonesia mempunyai persamaan dan perbezaan daripada segi bentuknya berdasarkan strukturnya masing-masing.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji penggunaan kata hubung bahasa Melayu dengan konjungtor bahasa Indonesia berpandukan analisis kontrastif atau bezaan. Objektif-objektif penting dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- a) mengenal pasti penggunaan kata hubung bahasa Melayu dengan konjungtor bahasa Indonesia.
- b) membandingkan penggunaan kata hubung bahasa Melayu dengan konjungtor bahasa Indonesia secara kontrastif.

SKOP KAJIAN

Kajian ini tertumpu pada aspek Analisis Kontrastif (AK) kata hubung dalam bahasa Melayu dan bahasa Indonesia daripada sudut linguistik kontrastif iaitu meninjau tentang persamaan dan perbezaan fungsi dan penggunaan kedua-dua golongan kata dalam bahasa tersebut. Persamaan dan perbezaan kata tersebut digunakan untuk meramal kemungkinan-kemungkinan permasalahan yang muncul dalam pemahaman pelajar yang mempelajarinya sama ada individu yang mempelajari bahasa Melayu mahupun bahasa Indonesia.

KAJIAN LITERATUR

Di Malaysia, terdapat beberapa kajian yang telah ditulis tentang kata hubung bahasa Melayu. Kajian yang dijalankan oleh Norizan Che Su (2009) yang bertajuk *Analisis Kontrastif Sintaksis Bahasa Melayu dan Bahasa Thai* menunjukkan tujuan kajiannya untuk menentukan aspek persamaan dan perbezaan sintaksis antara bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dengan bahasa Thai sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam aspek sintaksis (jenis ayat dan binaan ayat) antara bahasa Melayu dengan bahasa Thai. Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis kesalahan dan kesilapan dalam aspek sintaksis oleh pelajar bahasa Melayu sebagai bahasa pertama yang mempelajari bahasa Thai di Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia malah menentukan punca kesalahan dan kesilapan dalam aspek sintaksis dalam kalangan pelajar bahasa Melayu sebagai bahasa pertama yang mempelajari bahasa Thai di Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Hasil kajian ini juga mendapati sebanyak 97.1 peratus responden membuat kesalahan disebabkan struktur ayat bahasa Thai dengan struktur ayat Melayu yang sangat berbeza.

Siti Aishah Ashaari (2004) dalam kajiannya iaitu *Kata Adjektif Bahasa Melayu-Arab: Satu Analisis Kontrastif* melihat kontrastif perbandingan antara bahasa pertama iaitu bahasa ibunda dan juga bahasa kedua. Perbezaan kedua-dua bahasa tersebut dianggap penyebab utama kepada kegagalan pelajar untuk menguasai bahasa kedua. Kegagalan dalam penguasaan bahasa kedua sering menyebabkan

pelajar melakukan kesilapan khususnya dalam pembentukan ayat-ayat yang gramatis. Kesilapan ini sering berlaku dalam penggunaan kata adjektif atau kata sifat dalam bahasa Arab. Kajian ini cuba membandingkan pembentukan kata sifat (adjektif) antara kedua-dua bahasa. Perbandingan ini dilakukan bertujuan untuk melihat persamaan dan perbezaan yang wujud antara kedua-dua bahasa daripada segi penggunaan kata sifat (adjektif). Seterusnya meramal kesulitan yang dihadapi oleh mereka dalam mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua.

Kajian yang dilaksanakan oleh Aini Azizi (2001) iaitu *Analisis Kontrastif Kata Bilangan dan Penjodoh Bilangan di antara Bahasa Melayu dan Bahasa Jepun* bertujuan untuk menyelidik dan mengenal pasti kesilapan-kesilapan pada topik kata bilangan dan penjodoh bilangan bahasa Jepun yang kerap dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu dari Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. Terdapat faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya kesilapan-kesilapan ini dan mencadangkan beberapa kaedah sebagai penyelesaian masalah tersebut. Dalam kajian ini, terdapat dua kaedah analisis yang telah dipilih, iaitu analisis kontrastif dan analisis kesilapan. Dalam kajian analisis kontrastif, perbandingan antara kata bilangan dan penjodoh bilangan bahasa Melayu dan bahasa Jepun dihuraikan. Ciri-ciri persamaan dan perbezaan antara kedua-dua bahasa dipaparkan, seterusnya beberapa ramalan mengenai kesilapan yang berkemungkinan dilakukan oleh pelajar diperjelaskan. Kajian analisis kesilapan pula dilakukan untuk memeriksa kesilapan yang sebenarnya berlaku. Pada keseluruhannya, kajian ini memperlihatkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar semasa mempelajari kata bilangan dan penjodoh bilangan bahasa Jepun adalah berpunca daripada perbezaan sistem antara bahasa ibunda dan bahasa asing yang mereka pelajari. Selain itu, gangguan daripada bahasa ibunda pelajar juga menyebabkan kesilapan boleh berlaku.

Kajian oleh Tan Tiam Lai (2008) yang bertajuk *Analisis Kontrastif Kata Ganti Nama Diri Dalam Bahasa Cina dan Bahasa Melayu* ini bertujuan untuk meninjau persamaan dan perbezaan kata ganti nama diri antara bahasa Cina dan bahasa Melayu dalam penggunaan kata ganti nama diri dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Cina. Penyelidikan ini juga bertujuan meramalkan kesukaran pembelajaran kata ganti nama diri dalam bahasa Cina supaya para pelajar dapat memberi

perhatian semasa mempelajari penggunaan kata ganti nama diri dalam bahasa Cina. Penyelidikan ini dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis kontrastif yang dipelopori oleh Robert Lado (1957). Penyelidikan analisis kontrastif dalam kajian ini melibatkan empat langkah untuk menganalisis data iaitu huraian, pemilihan, membuat perbandingan dan seterusnya meramalkan masalah. Hasil penyelidikan ini menunjukkan banyak persamaan dan perbezaan dalam kata ganti nama diri dalam konteks nahu.

Kajian yang dijalankan oleh Siti Baidura dan Nurul Jamilah (2012) yang bertajuk *Analisis Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Karangan Pelajar Asing di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam* bertujuan untuk menganalisis kesalahan tatabahasa dalam kalangan pelajar asing yang mempelajari kursus Bahasa Melayu Kedua untuk Pelajar Asing (LM 1011) di sebuah institusi pengajian tinggi awam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar asing melakukan kesalahan tatabahasa seperti kesalahan penggunaan aspek kata, frasa, ayat dan ortografi. Hasil kajian juga mendapati bahawa kesalahan ortografi iaitu kesalahan penggunaan ejaan dan huruf besar atau kecil paling banyak dilakukan pelajar. Kesalahan kedua tertinggi pula ialah kesalahan aspek ayat iaitu ayat tunggal dan ayat saduran diikuti kesalahan aspek frasa iaitu frasa nama, frasa kerja dan frasa sendi nama. Kesalahan yang paling rendah daripada segi kekerapan ialah kesalahan penggunaan aspek kata iaitu imbuhan, kata hubung dan kata pemerik. Berdasarkan soal selidik, kebanyakan pelajar melakukan kesalahan tatabahasa disebabkan gangguan bahasa ibunda, sikap pelajar dan keadaan persekitaran bahasa di universiti.

METODOLOGI KAJIAN

PENGKAEDAHAN KAJIAN

Analisis Kontrastif digunakan sebagai pendekatan kajian. Analisis Kontrastif merupakan satu deskripsi yang lengkap untuk menghuraikan tentang kata hubung bahasa Melayu dan konjungtor bahasa Indonesia. Bagi mendapatkan maklumat tentang kata hubung bahasa Melayu, kajian ini menggunakan data sekunder iaitu dengan merujuk Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga keluaran tahun 2015 yang dikarang oleh Nik Safiah Karim dan rakan-rakan. Kemudian, Tatabahasa Baku Bahasa Indonesia

Edisi Ketiga keluaran tahun 2003 yang dikarang oleh Halwi Hassan dan rakan-rakan daripada sudut konjungtor bahasa Indonesia digunakan sebagai perbandingan untuk mengetahui persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam kedua-dua bahasa tersebut.

TEKNIK TERJEMAHAN

Dalam teknik terjemahan ini, kajian ini menyediakan beberapa ayat yang mengandungi penggunaan kata hubung dan konjungtor tertentu. Kemudian, kajian ini akan menggunakan enjin terjemahan dan turut menggunakan kamus bahasa Melayu–bahasa Indonesia untuk menterjemahkan ayat-ayat tersebut ke dalam bahasa sasaran iaitu bahasa Melayu.

PENGANALISISAN DATA

Setelah data terkumpul, tahap akhir ialah menganalisis data. Data yang telah dikutip akan dituliskan semula dengan menggunakan teori Nida (1949) iaitu mengenal pasti perkataan kata hubung kedua-dua bahasa. Kemudian, analisis ini dilihat daripada proses perbandingan kedua-dua bahasa iaitu proses menyilang ayat yang telah diterjemahkan.

MODEL STRUKTURAL

Model ini bersifat deskriptif dan sangat sesuai dalam sesebuah kajian penghuraian. Berdasarkan model ini, penghuraian tentang sesuatu bahasa dilakukan daripada unit yang lebih kecil membawa kepada unit-unit yang lebih besar. Selaras dengan pandangan golongan struktural yang telah diperjelaskan oleh Asmah Haji Omar (2011), bahasa adalah dibina daripada unit-unit yang lebih kecil kepada unit-unit yang lebih besar. Lado (1957) telah memberikan pandangan yang berguna bagaimana menjalankan kajian berdasarkan model struktural seperti berikut:

“We begin with an analysis of the foreign language and compare its structure with the native language. For each structure we need to know if there is a structure in the native language (1) signalled the same way, that is, by similarly distributed in the system of that language.”

Seperti yang dicadangkan oleh Lado (1957), kajian ini menggunakan penghuraian dalam kata hubung bahasa Melayu yang dikontraskan dengan konjungtor bahasa Indonesia secara selari

iaitu menggunakan model struktural. Kemudian, model ini juga digunakan dalam kajian kontrastif bagi membandingkan persamaan dan perbezaan penggunaan kata hubung bahasa Melayu dengan konjungtor bahasa Indonesia tersebut.

PENDEKATAN ANALISIS KONTRASTIF

Istilah atau perkataan kontrastif berasal daripada perkataan *Contrastive* iaitu kata sifat dan kata kerja iaitu “*to kontras*” yang membawa maksud berbeza atau bertentangan. Dalam *The American College Dictionary* terdapat penjelasan sebagai berikut

“to set in opposition in order to show unlikeness, compare by observing differences.”

Hal ini membawa maksud perbandingan ini dilihat sebagai pertentangan iaitu bertujuan untuk memperlihatkan ketidaksamaan yang menunjukkan persamaan dan perbezaan. Istilah linguistik kontrastif ialah bidang ilmu bahasa yang meneliti perbezaan dan persamaan yang terdapat dalam kedua-dua bahasa yang serumpun atau pun tidak serumpun. Misalnya, komparatif bahasa daerah dengan bahasa Melayu di Malaysia meneliti perbezaan linguistik kontrastif yang terdapat pada kedua-dua bahasa atau lebih yang tidak serumpun sangat penting untuk dibandingkan dan mencari persamaan.

Analisis Kontrastif telah diasaskan dan dikembangkan oleh beberapa ahli linguistik struktural seperti Fries (1945), Weinreich (1953), Lado (1957) dan Politzer (1965). Ahli-ahli linguistik tersebut berpendapat bahawa gangguan bahasa ibunda menyebabkan timbul masalah kesilapan dan kesulitan dalam proses pembelajaran bahasa asing oleh seseorang pelajar mahupun orang yang baru mempelajari bahasa lain. Hal ini ditegaskan oleh Lado (1957) yang menyatakan bahawa:

“... individuals tend to transfer the forms and meanings, and the distribution of forms and meanings of their native language and culture to the foreign language and culture- both productively when attempting to speak the language and to act in the culture, and receptively when attempting to grasp and understand the language and the culture as practiced by natives.”

(Lado 1957)

Berdasarkan kenyataan Lado, ia disokong oleh Banathy, Trager dan Waddle (1966) dalam artikel mereka yang bertajuk “*Use of Contrastive Data in Foreign Language Course Development*”. Beliau

menerangkan bahawa setiap pelajar bahasa asing sering menggunakan pengetahuannya yang berkait rapat dengan struktur bahasa ibundanya apabila tidak tahu cara untuk menyatakan penyampaian bahasa sasaran yang dipelajarinya. Kajian ini untuk melihat perbandingan kedua-dua struktur bahasa iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dan bahasa Indonesia sebagai bahasa sasaran untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan kata hubung dan konjungtor yang terdapat dalam kedua-dua bahasa tersebut.

HIPOTESIS 'A PRIORI' (VERSI KUAT)

Dalam kajian ini, analisis akan berpandu kepada andaian-andaian yang telah dibuat oleh ahli-ahli analisis kontrasitif seperti yang terkandung di dalam hipotesis versi kuat yang dikatakan 'a priori'. Hipotesis versi kuat ialah hipotesis yang mengatakan bahawa kesilapan dan kesulitan yang dialami dalam pembelajaran bahasa asing dapat diramalkan dengan melihat persamaan dan perbezaan antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran. Antara ahli analisis kontrasitif yang telah mengemukakan hipotesis ini ialah W.R Lee. W.R Lee (1968:186) telah membuat hipotesis bahawa;

- (a) sebab utama kesulitan dan kesilapan dalam pembelajaran bahasa asing ialah gangguan daripada bahasa ibunda pelajar sendiri
- (b) kesulitan adalah sepenuhnya disebabkan oleh perbezaan antara kedua-dua bahasa
- (c) semakin besar perbezaan, maka semakin besar kesulitan yang dialami
- (d) keputusan perbandingan antara kedua-dua bahasa adalah diperlukan untuk meramalkan kesulitan dan kesilapan yang akan timbul dalam pembelajaran bahasa

- (e) apa akan diajar adalah sama dengan perbezaan-perbezaan yang diperoleh daripada analisis kontrasitif

Dapatan daripada kaedah analisis kontrasitif yang dilaksanakan oleh pengkaji bahasa merupakan maklumat yang amat penting. Maklumat tersebut dapat meningkatkan pemahaman dan kesedaran pengajar tentang kesulitan yang pelajar hadapi dan menjadikan pengajar lebih peka terhadap masalah pelajar.

DAPATAN KAJIAN

Dalam *Tatabahasa Dewan*, kata penyambung ayat atau kata hubung ialah perkataan yang menghubungkan dua klausa atau lebih dalam sebuah konstruksi yang lazim disebut ayat majmuk. Kata penyambung ayat pada ayat majmuk gabungan disebut kata gabungan, sedangkan pada ayat majmuk pancangan disebut kata hubung pancangan. Kata hubung pancangan ini dibahagi kepada tiga jenis, iaitu (i) kata hubung pancangan relatif, (ii) kata hubung pancangan komplemen dan (iii) kata hubung pancangan keterangan.

Dalam *Tatabahasa Baku Bahasa Indonesia* kata penyambung ayat itu disebut konjungtor atau kata sambung, iaitu kata tugas yang menghubungkan dua satuan bahasa yang sederajat yang terdiri daripada kata dengan kata, frasa dengan frasa atau klausa dengan klausa. Berdasarkan perilaku sintaktisnya, konjungtor dibahagi menjadi tiga kelompok iaitu (i) konjungtor coordinator, (ii) konjungtor korelatif dan (iii) konjungtor subordinatif.

Kata penyambung ayat dan konjungtor tersebut dapat dilihat berdasarkan contoh-contoh yang digunakan seperti jadual berikut:

Kata Penyambung Ayat (TBD)	Konjungtor (TBB1)
1. Kata hubung gabungan - <i>dan, atau, tetapi, serta, lalu, malahan, sambil, kemudian</i>	1. Konjungtor koordinatif - <i>dan, serta, atau, tetapi, melainkan, padahal, sedangkan</i>
2. Kata hubung pancangan	2. Konjungtor korelatif – <i>baik ..., mahupun ..., tidak hanya ..., tetapi juga ..., bukan hanya ..., melainkan juga ..., demikian ..., sehingga ..., sedemikian rupa ..., sehingga ..., apa(kah) ..., atau ...</i>
(a) Kata hubung pancangan relatif yang	
(b) Kata hubung pancangan komplemen <i>bahawa</i>	
(c) Kata hubung pancangan keterangan – <i>kerana, sekiranya, kalau, hingga, sementara, ketika, walaupun, agar, semoga, andai kata, jika, jikalau, setelah, tatkala, sungguhpun, meskipun, supaya, kendatipun, semasa, sewaktu, untuk, apabila</i>	

-
3. Konjungtor subordinatif
- (a) Waktu – *sejak, semenjak, sedari, sewaktu, ketika, tatkala, setelah, sesudah, sebelum, hingga, sampai*
 - (b) Syarat – *jika, kilalau, kalau, bila, manakala*
 - (c) Pengandaian – *andaikan, seandainya, sekiranya*
 - (d) Tujuan – *agar*;
 - (e) Konesesif – *biarpun, meski, meskipun, walau, walaupun, sekalipun, sungguhpun, kendaripun*
 - (f) Perbandingan – *seakan-akan, seolah-olah, seperti, laksana*
 - (g) Sebab – *sebab, karena, oleh sebab*,
 - (h) Hasil – *sehingga, sampai, sampai-sampai, maka, makanya*
 - (i) Komplementasi - *bahwa*
 - (j) Atributif - *yang*
 - (k) Perbandingan – *sama ... dengan, lebih ... daripada, lebih ... dari*
-

Oleh sebab sudah ada persamaan pandangan antara *TBD* dan *TBBI*, maka contoh ayat yang berkaitan dengan kata hubung gabungan dapat dipadankan secara langsung dengan konjungtor koordinatif, kata hubung pancangan relatif dapat dipadankan secara langsung konjungtor subordinatif

atributif dan kata hubung pancangan komplemen dapat dipadankan secara langsung konjungtor subordinatif komplementasi maka tidak perlu diperjelaskan. Secara ringkasnya, terdapat tiga jenis kata penyambung ayat yang secara langsung berpadanan dengan tiga jenis konjungtor, iaitu:

(a) Kata hubung gabungan	→	Konjungtor koordinatif
(b) Kata hubung pancangan relatif	→	Konjungtor subordinatif atributif
(c) Kata hubung pancangan komplemen	→	Konjungtor subordinatif komplementasi

Perkara yang perlu diperjelaskan ialah contoh ayat yang berkaitan dengan kata hubung pancangan keterangan yang perlu dikontraskan dengan konjungtor subordinatif. Hal ini demikian kerana

terdapat perbezaan dalam pengkategorian jenis kedua-duanya. Padanan kedua-dua jenis kata tersebut telah dipadankan mengikut persamaannya berdasarkan contoh berikut:

Kata Hubungan Pancangan Keterangan (<i>TBD</i>)	Kontras/Padanan	Konjungtor Subordinatif (<i>TBBI</i>)
(a) Kata hubung pancangan keterangan sebab	kerana	Konjungtor subordinatif sebab
(b) Kata hubung pancangan keterangan	sekiranya, andai kata	Konjungtor subordinatif pengandaian
(c) Kata hubung pancangan keterangan syarat	kalau, jika, jikalau	Konjungtor subordinatif syarat
(d) Kata hubung pancangan keterangan	hingga	Konjungtor subordinatif hasil
(e) Kata hubung pancangan keterangan waktu	sementara, ketika, setelah, tatkala, semasa, sewaktu, apabila	Konjungtor subordinatif waktu
(f) Kata hubung pancangan keterangan	walaupun, sungguhpun, meskipun, kendaripun	Konjungtor subordinatif konesesif
(g) Kata hubung pancangan keterangan tujuan	agar, supaya, semoga, untuk	Konjungtor subordinatif tujuan

Berdasarkan contoh di atas, padanan berikut merupakan pengkontrasan yang dipadankan dengan kedua-dua jenis pengkategorian kata iaitu kata hubung pancangan dan konjungtor subordinatif. Hal ini dapat dipadankan dengan tujuh jenis kata hubung pancangan keterangan dengan konjungtor subordinatif berdasarkan contoh ayat-ayat berikut:

- (a) Kata hubung pancangan keterangan sebab yang dapat dipadankan dengan konjungtor subordinatif sebab.
- i. Pegawai itu sering dipuji *kerana* rajin bekerja.
- (b) Kata hubung pancangan keterangan yang dapat dipadankan dengan konjungtor subordinatif pengandaian.
- i. Persembahan wayang kulit itu akan ditangguhkan *sekiranya* tidak ramai pengunjung.
 - ii. Abah akan merayu *andai kata* pinjamannya ditolak oleh pihak bank.
- (c) Kata hubung pancangan keterangan syarat yang dapat dipadankan dengan konjungtor subordinatif syarat.
- i. *Kalau* musuh masih menyerang kamu akan melawan.
 - ii. Pekerja-pekerja itu akan kerja pada lebih masa *jikalau* dibayar gaji lebih.
- (d) Kata hubung pancangan keterangan yang dapat dipadankan dengan konjungtor subordinatif hasil.
- i. Ia bersorak sangat kuat *sehingga* serak suaranya.
- (e) Kata hubung pancangan keterangan waktu yang dapat dipadankan dengan konjungtor subordinatif waktu.
- i. *Sementara* menanti buah rambutan masak, petani itu memetik manggis.
 - ii. Perompak itu memasuki rumah itu *ketika* tuan rumahnya sedang tidur.
 - iii. *Tatkala* hujan turun, mereka masih di sawah
 - iv. *Semasa* kami tiba, mereka sudah tiada di situ.
 - v. *Sewaktu* membeli barang di pasar raya, Leha terlupa membawa duit.
 - vi. *Apabila* senja tiba, kelawar-kelawar berterbangan keluar mencari makanan.

- (f) Kata hubung pancangan keterangan yang dapat dipadankan dengan konjungtor subordinatif konsesif.
- i. *Walaupun* kurang sihat, dia tetap menghadiri majlis tersebut.
 - ii. *Sungguhpun* letih, pemain itu tetap bersemangat juga.
 - iii. *Meskipun* hari sudah lewat, Abu belum pulang ke rumah lagi.
 - iv. Usah kita bersikap kurang ajar terhadapnya, *kendatipun* ia seorang yang ego.
- (g) Kata hubung pancangan keterangan tujuan yang dapat dipadankan dengan konjungtor subordinatif tujuan.
- i. Adik mestilah belajar rajin-rajin *agar* berjaya di masa hadapan kelak.
 - ii. Ibu bapa itu berdoa *semoga* anaknya sentiasa sihat.
 - iii. Murid itu belajar bersungguh-sungguh *supaya* memperoleh pencapaian yang cemerlang.
 - iv. Nira dapat dikumpul *untuk* dibuat manisan dan tuak.

Daripada contoh tersebut dapat dilihat bahawa perbezaan dalam *TBD* dapat dikontraskan dengan *TBBI* kerana membawa fungsi yang sama dalam contoh tersebut namun dalam *TBD* tidak mengemukakan bentuk yang dapat dipadankan dengan konjungtor subordinatif perbandingan, konjungtor subordinatif perbandingan, dan konjungtif alat atau cara. Sebagai contoh ayat bagi konjungtor tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Pak Ahamad sudah meninggal *ketika* doktor datang [waktu]
- (b) Saya akan naik haji *jika* tanah saya laku terjual [syarat]
- (c) Saya pasti akan memanfaatkannya *seandainya* dia mau mengakui kesalahannya [pengandaian]
- (d) Ahmad harus belajar giat *agar* naik kelas [tujuan]
- (e) Pembangunan tetap berjalan terus *meskipun* dana semakin menyempit. [konsesif]
- (f) Dia takut kepada saya *seolah-olah* saya ini musuhnya. [perbandingan]
- (g) Hari ini dia tidak masuk kantor *karena* sakit. [sebab]
- (h) Abang belum mengirim uang *sehingga* kami belum dapat membayar uang sekolah. [hasil]
- (i) Syafiq tidak mau membayar utangnya *padahal* dia mempunyai uang. [konsesif]

- (j) Orang yang mendatanginya bertampang seram, *maka* dia jadi takut. [hasil]
- (k) Mereka berkata *bahawa* mereka akan berkunjung besok. [komplementasi]
- (l) Sufian memukul *dengan* tangan kirinya melayang terlebih dahulu. [alat/cara]

Berdasarkan contoh-contoh di atas, terdapat penggunaan konjungtor subordinatif atributif dan konjungtor subordinatif perbandingan, walaupun terdapat penggunaan konjungtor subordinatif konsesif dan konjungtor subordinatif namun membawa fungsi yang lain.

Contoh di atas iaitu “Syafiq tidak mau membayar utangnya *padahal* dia mempunyai uang” iaitu penggunaan perkataan *padahal* tersebut tergolong dalam senarai kata dalam konjungtor subordinatif. Kata *padahal* dalam ayat itu dapat digantikan dengan kata *meskipun*, iaitu menjadi “Syafiq tidak mau membayar utangnya *meskipun* dia mempunyai uang”, maka *padahal* dalam contoh tersebut itu menggambarkan penggunaan konjungtor subordinatif konsesif. Oleh itu, *padahal* perlu ditambahkan pada senarai kata yang menyatakan konjungtor subordinatif konsesif.

Catatan contoh *TBBI* di atas yang lain turut menyebutkannya bahawa tidak ada contoh konjungtor subordinatif atributif, iaitu *yang*. Berdasarkan dengan tujuan tersebut, beberapa contoh *TBD* tentang kata hubung pancangan relatif yang berpadanan dengan konjungtor subordinatif atributif seperti berikut:

- (a) Saya membeli baju *yang* berwarna hijau.
- (b) Ali memanggil kanak-kanak *yang* sedang bermain itu.
- (c) Ibu menghalau kucing *yang* mencuri ikan tadi.

Konjungtor korelatif yang dikemukakan *TBBI* juga tidak ada padanan dalam *TBD*. Beberapa contoh mengenai konjungtor korelatif itu adalah seperti berikut:

- (a) *Baik* Pak Anwar *maupun* istrinya tidak suka merokok.
- (b) Kita *tidak hanya* harus setuju, *tetapi juga* harus patuh.
- (c) Mobil itu larinya *demikian* cepatnya *sehingga* sangat sukar untuk dipotret.
- (d) Kita harus mengerjakannya *sedemikian rupa* *sehingga* hasilnya benar-benar baik.
- (e) *Baik* Anda, istri Anda, *maupun* mertua Anda akan menerima cinderamata.

- (f) *Apa(kah)* Anda setuju *atau* tidak, kami akan jalan terus.
- (g) *Entah* disetujui *entah* tidak, dia tetap akan mengusulkan gagasannya.
- (h) *Jangankan* orang lain, orang tuanya sendiri *pun* tidak dihormati.

Hal ini juga telah dikemukakan bahawa konjungtor menghubungkan dua satuan bahasa yang sederajat. Demikian pula halnya dengan kata *kerana*, *sejak* dan *setelah* yang dapat menghubungkan kata, frasa atau klausa. Dalam kaitannya dengan kata atau frasa, ketiga-tiga kata itu berperanan sebagai preposisi; dalam hubungannya dengan klausa sebagai konjungtor. Hal ini dapat dilihat fungsinya sebagai preposisi dan sebagai konjungtor pada contoh berikut:

Peranan sebagai preposisi	Dia tidak kuliah <i>kerana</i> masalah keuangan. Dia sudah tinggal di sini <i>sejak</i> bulan Agustus. Kami boleh menemui dia <i>setelah</i> pukul 14.00.
Peranan sebagai konjungtor	Dia tidak kuliah <i>kerana</i> uangnya habis. Dia sudah tinggal di sini <i>sejak</i> dia berumur dua puluh tahun. Kami boleh menemui dia <i>setelah</i> dia salat Jumat.

KESIMPULAN

Dalam tata praktisnya, terjadi saling mempengaruhi antara satu bahasa dengan bahasa yang lain, misalnya bahasa pertama mempengaruhi bahasa kedua (Indonesia). Analisis kontrastif adalah kajian kebahasaan atau cara untuk mendeskripsikan hasil perbandingan bahasa. Salah satu kegunaan daripada analisis kontrastif dapat menjelaskan dan memprediksi kesulitan dan kesalahan dalam berbahasa. Oleh kerana itu, hasil daripada analisis kontrastif dapat digunakan dalam pengajaran bahasa kedua. Ada empat langkah analisis kontrastif iaitu untuk membandingkan unsur kebahasaan bahasa pertama dan bahasa kedua (Indonesia), memprediksi pengaruh bahasa pertama dan bahasa kedua (Indonesia) yang berakibat kepada kesulitan dan kesalahan berbahasa, memilih bahan mengajar serta menentukan prosedur pembelajaran.

Kajian berkaitan dengan Analisis Kontrastif amat membantu para pengkaji untuk merangka bahan pengajaran dan pembelajaran daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran. Kata hubung dalam bahasa Melayu merupakan satu yang unit yang merupakan penyambung kepada ayat yang dapat menerangkan ayat menjadi kesatuan yang utuh. Persamaan antara kata hubung dengan konjungtor lebih menunjukkan persamaan yang ketara berbanding perbezaan. Pembelajaran dan pengajaran akan lebih mudah apabila kedua-dua fungsi sesebuah kata atau bahasa mempunyai padanan yang sama dalam penggunaan ayat masing-masing.

RUJUKAN

- Abdul Chaer. 1994. *Linguistik Umum*. Jakarta: PT. Rineka Cipta.
- Aini Azizi. 2001. *Analisis Kontrastif Kata Bilangan dan Penjodoh Bilangan di antara Bahasa Melayu dan Bahasa Jepun*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya (UM).
- Asmah Haji Omar. 2011. *Teori dan Kaedah Nahu: Sejarah Pertumbuhan Aliran Pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Banathy, Bela, Trager, Edith Crowell dan Waddle, Carl D. 1966. "The Use of Contrastive Data in Foreign Language Course Development". *Trend in Language Teaching*, disunting oleh A. Valdman. New York: McGraw Hill.
- Fries, Charles C. 1945. *Teaching and Learning English as a Foreign Language*. Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Halwi Hassan dan rakan-rakan. 2003 *Tatabahasa Baku Bahasa Indonesia* Edisi Ketiga. Indonesia: Balai Pustaka
- Jamaliah Mohd Ali. 1990. Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan. *Jurnal Dewan Bahasa*. Mei.
- Lado, Robert. 1957. *Linguistic Across Cultures*. Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Lado, R. 1968. Contrastive Linguistics in A Mentalistic Theory of Language Learning. Dlm. Alatis, J.E. (ed.) *Contrastive Linguistics and Its Pedagogical Implications*. Michigan: Georgetown University Press.
- Nik Safiah Karim dan rakan-rakan. 2015. *Tatabahasa Dewan* Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norizan Che Su. 2009. *Analisis Kontrastif Sintaksis Bahasa Melayu dan Bahasa Thai*. Serdang: Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Politzer. R.L. 1965. *Foreign Language Learning: A Linguistic Introduction*. Preliminary edition dan 2nd ed. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hill.
- Siti Baidura dan Nurul Jamilah. 2012. *Analisis Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Karangan Pelajar Asing di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).
- Siti Aishah Ashaari. 2004. *Kata Adjektif Bahasa Melayu-Arab: Satu Analisis Kontrastif*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya (UM).
- Tan Tiam Lai. 2008. *Analisis Kontrastif Kata Ganti Nama Diri dalam Bahasa Cina dan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Weinreich U. 1953. *Languages in Contact, Findings and Problems*. New York: Linguistic Circle of New York.
- W. R Lee. 1968. *Thoughts on Contrastive Linguistics*. 19th Annual Round Table. Contrastive Linguistics and its Pedagogical Implications. Washington: Georgetown University Press.

Mohd Uzir bin Zubir
Pelajar Sarjana,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor,
MALAYSIA.
E-mel: uzirzubir@gmail.com

Rohaidah Kamaruddin, Ph.D.
Pensyarah Kanan,
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor,
MALAYSIA.
E-mel: rohaidah_k@upm

Diserahkan: 03 Disember 2018
Diterima: 02 April 2019

